

02 APRIL 2018

Belum habis pantang dah lalok

Kajang: Baru bersalin dan belum habis tempoh berpantang. Namun seorang wanita tidak mengendahkan nyawa bayi yang menyusuri badan apabila nekad melepaskan gian dengan mengambil heroin.

Malah, perbuatan itu dilakukan di hadapan bayi lelakinya yang baru berusia sebulan di kediamannya di Bandar Baru Bangi, di sini.

Wanita berusia 33 tahun itu bagaimanapun ditahan sepasukan anggota penguatan kuasa Agenzia Antidadah Kebangsaan (AADK) Cawangan Hulu Langat yang mererbu kediamannya jam 11 malam, kelmarin.

Sejurus ditahan, wanita itu menangis dan merayu dibebaskan dengan alasan mahu menjaga bayi berkenaan yang juga anak ketiganya.

Ditahamkan, suami wanita terabit menghilangkan diri sejak beberapa bulan lalu dan wanita itu kini tinggal bersama ibunya yang berniaga nasi lemak.

Wanita itu antara empat individu yang ditahan dalam Operasi Cegah (Op Cegah) dijalankan sepasukan anggota penguatan kuasa AADK Hulu Langat di empat lokasi sekitar Bandar Baru Bangi, Kajang, Cheras dan Semeayih bermula jam 9 malam hingga 2 pagi, semalam.

Ketua Pegawai AADK Daerah Hulu Langat, Muhammad Ramli Syed Ahamed berkata, hasil maklumat diperoleh pihaknya membuat serbuhan di kediaman empat individu berusia 30 hingga 40 tahun.

"Hasil ujian saringan air kencing dilakukan mendapat keempat-empat individu positif Methamphetamine, heroin dan ganja."

"Semua yang ditahan dibawa ke Pejabat AADK Hulu Langat untuk tindakan lan-

Belum habis pantang dah lalok



WANITA
belum
habis
pantang
ditahan
penguatan
kuasa
AADK



ANGGOTA penguatan kuasa membuat pemeriksaan terhadap individu yang ditahan dalam Op Cegah.

jut mengikut Seksyen 3 (1) dan Seksyen 8 (3)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983," katanya.

Muhamad Ramli berkata, pihaknya akan menjalankan operasi berterusan bagi membanteras kegiatan penagihan dadah di daerah ini.

"Usaha membanteras gejala penagihan dadah akan

diteruskan secara konsisten melalui Op Cegah yang dijalankan setiap minggu terutama di lokasi panas di sekitar daerah ini.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kegiatan penagihan dadah di daerah ini boleh menghubungi kami atau tampil ke Pejabat AADK Hulu Langat untuk tindakan lanjut," katanya.